



## KENYATAAN MEDIA

*Hebahan Segera*

### KERJASAMA PTPTN DAN YPM PERKASAKAN PENDIDIKAN PELAJAR GOLONGAN ASNAF

**KUALA LUMPUR, 8 Jun 2022** – Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) dan Yayasan Pelajaran Mara (YPM) hari ini telah mengadakan Majlis Pengumuman Program Kerjasama PTPTN & YPM bertempat di Menara PTPTN, Kuala Lumpur. Majlis yang diadakan ini sebagai simbolik kerjasama PTPTN sebagai Rakan Penyumbang Pendidikan YPM 2021-2026.

Dalam majlis ini, Pengerusi PTPTN, YBhg. Datuk Wan Saiful Wan Jan menyerahkan sumbangan zakat PTPTN berjumlah RM150,000 kepada Pengerusi YPM, YBhg. Dato' Mohd Razman bin Yaacob. Selanjutnya, penyerahan sumbangan mengikut program telah disampaikan oleh Ketua Eksekutif PTPTN, YBrs. Encik Ahmad Dasuki bin Abdul Majid kepada Ketua Pegawai Eksekutif YPM, YBrs. Encik Mohd Amran bin Mohd Ariffin melibatkan sumbangan bagi Program Pintar@KPLB-PTPTN berjumlah **RM74,000**, Skim Anak Angkat PTPTN berjumlah **RM72,000** dan sumbangan Akaun Simpan SSPN Prime berjumlah **RM4,000**.

Turut hadir pada majlis tersebut adalah Timbalan Pengarah Bahagian Pelaburan dan Pembangunan Subsidiari, Majlis Amanah Rakyat (MARA), Encik Hady Suhairy bin Baseri, Ketua Bahagian Pembangunan Dana YPM, Encik Zainal Rashid bin Zakaria, Pengurusan YPM serta Pengurusan PTPTN.

Program Pintar@KPLB-PTPTN ini akan dilaksanakan di MRSM Langkawi dan MRSM Kuala Krai dengan mengadakan kelas bimbingan yang akan memberi manfaat kepada 200 orang pelajar pada tahun 2022. Program ini memberi ruang dan peluang kepada pelajar keluarga B40 untuk mendapatkan akses bimbingan secara percuma serta pendedahan akademik.

Manakala Program Skim Anak Angkat, PTPTN memberi sumbangan elauan persekolahan kepada 20 orang anak angkat terpilih berumur 13 tahun selama 3 tahun bermula persekolahan Tingkatan 1 sehingga Tingkatan 3. Setiap anak angkat akan menerima elauan persekolahan sebanyak RM1,200 setiap tahun. Selain itu, setiap anak angkat ini juga akan diberikan sumbangan dalam bentuk akaun Simpan SSPN Prime secara *one-off* sebanyak RM200.

YBhg. Datuk Wan Saiful Wan Jan berkata, “PTPTN sentiasa proaktif dan mengalukan kerjasama dengan pelbagai pihak, sama ada agensi kerajaan maupun swasta serta Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) bagi mengadakan program-program kerjasama tanggungjawab sosial korporat (CSR) untuk memastikan sumbangan yang diberikan adalah merangkumi pelbagai golongan sasar. Dengan sumbangan ini saya optimis pelbagai program yang dirancang dapat dilaksanakan dengan lancar dan mencapai matlamat yang diharatkann iaitu mengurangkan jurang pendidikan antara bandar dan luar bandar sekali gus memastikan akses pendidikan yang sama rata untuk meningkatkan taraf hidup dan menjana kecemerlangan negara”.

Sementara itu, YBhg. Dato' Mohd Razman bin Yaacob, pula berkata, “Saya yakin dengan kolaborasi ini, YPM dengan kerjasama PTPTN mampu melahirkan pelajar yang berjaya dan berkebolehan dalam apa jua bidang bukan setakat berkebolehan dalam pelajaran tetapi juga berkerjaya hebat dan mempunyai skil yang tinggi pada masa depan, sesuai dengan kemajuan dan pembangunan negara.”

Jalinan kerjasama PTPTN dengan YPM ini diharap dapat memberikan manfaat kepada para pelajar dari kalangan ibu bapa golongan B40 di bawah kategori fakir, miskin dan fisabilillah. Selain itu, diharapkan juga pemberian sumbangan daripada PTPTN ini mampu mengurangkan beban kewangan mereka yang memerlukan malah mampu menyemai kesedaran penabungan dan mendidik literasi kewangan yang baik dalam kalangan pelajar.

Sebarang maklumat lanjut, hubungi:

- i) PTPTN : Puan Hasliza Abdul Latiff ([hasliza@ptptn.gov.my](mailto:hasliza@ptptn.gov.my) / 019 - 354 2388)
- ii) YPM : Puan Shanorita Hashim ([shanorita@ypm.org.my](mailto:shanorita@ypm.org.my) / 012 - 226 1266)